
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

PGT 225 – Kaedah Mengajar Kesusasteraan Melayu I

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

ARAHAN

Kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian. Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja. Jawab **SATU (1)** soalan daripada setiap bahagian dan soalan keempat boleh dipilih daripada **BAHAGIAN A, B atau C**.

BAHAGIAN A

1. a) Menurut Ali Hj. Ahmad (1990) kesusasteraan tidak seharusnya semata-mata untuk menghibur dan memberikan kerehatan fikiran tetapi lebih jauh daripada itu berfungsi sebagai pendidikan akhlak. Bincangkan pandangan di atas daripada sudut rasional dan objektif pendidikan kesusasteraan Melayu.
[10 markah]
- b) Jelaskan bagaimana anda akan menerapkan nilai-nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan Melayu.
[15 markah]
2. a) Bincangkan empat teori kesusasteraan secara ringkas.
[10 markah]
- b) Jelaskan bagaimana teori-teori ini dapat disepadukan dalam pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan Melayu.
[15 markah]

BAHAGIAN B

3. a) Jelaskan konsep pendekatan, kaedah dan teknik dalam pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan Melayu.
[10 markah]
- b) Huraikan teknik kerusi panas, teknik tangga cerita, teknik mestamu dan teknik cerpendra. Pilih satu daripada teknik tersebut dan huraikan cara pelaksanaannya di dalam bilik darjah.
[15 markah]

4. a) Secara ringkas nyatakan sinopsis, tema dan persoalan dalam cerpen *Rimbaku, Air Mataku* karya Usman Awang .
[10 markah]
- b) Berdasarkan satu aspek yang menarik daripada cerpen tersebut, huraikan bagaimana anda akan mengajarnya kepada pelajar-pelajar di tingkatan lima dalam masa 40 minit.
[15 markah]

BAHAGIAN C

5. a) Pada umumnya ramai pelajar kurang meminati genre prosa tradisional. Apakah pandangan anda terhadap masalah tersebut?
[10 markah]
- b) Tunjukkan bagaimana anda hendak mengajar salah satu aspek dalam genre prosa tradisional secara menarik dan menyeronokkan.
[15 markah]
6. Anda sebagai guru kesusasteraan Melayu tingkatan empat dikehendaki mengajar puisi tradisional gurindam yang bertajuk *Gurindam Nasihat* karya Raja Ali Haji (rujuk Lampiran A).
- a) Huraikan bagaimana anda akan memulakan pelajaran untuk gurindam ini dengan induksi set yang sesuai dan menarik.
(8 markah)
- b) Bagaimana anda boleh menyerapkan nilai-nilai kemanusiaan melalui gurindam tersebut?
(8 markah)
- c) Apakah alat bantu mengajar (ABM) yang boleh digunakan dan bagaimanakah anda menggunakannya dalam pengajaran dan pembelajaran?
(9 markah)

LAMPIRAN A

GURINDAM NASIHAT

Apabila banyak berkata-kata,
Di situlah jalan masuk dusta.

Apabila kita kurang siasat,
Itulah tanda pekerjaan hendak sesat.

Apabila anak tidak dilatih,
Jika besar bapanya letih.

Apabila banyak mencela orang,
Itulah tanda dirinya kurang.

Apabila orang banyak tidur,
Sia-sia sahajalah umur.

Apabila mendengar akan khabar,
Menerimanya itu hendaklah sabar.

Apabila mendengar akan aduan,
Membicarakannya itu hendaklah cemburuan.

Apabila perkataan yang lemah lembut,
Lekaslah segala orang mengikut.

Apabila perkataan yang amat kasar,
Lekaslah orang sekalian gusar.

Apabila pekerjaan yang amat benar,
Tidak boleh orang berbuat onar.

Raja Ali Haji
Permatang Budi, 1991
Fajar Bakti Sdn.Bhd